

## Petikan Kuntum-kuntum Bunga

Halaman ini kami hiasi dengan kuntum-kuntum bunga yang kami telah petik di sana sini kepada siapa yang meminatinya, silalah pula menyuntingnya.

### Ahli fikir yang mengelamun.

Seorang sasterawan besar bangsa Jerman

“Lessing” pada hari-harinya yang akhir telah menjadi pengelamun

dan pelupa. Pada suatu malam dia balik ke rumah.

Dalam perjalanannya fikirannya terus-terusan memikirkan

sesuatu kerja penting yang akan diselesaikannya. Bila

sampai di pintu rumahnya, rupanya dia telah terlupa bahawa

kuncinya tertinggal di dalam, lalu diketuknyalah pintu

itu beberapa kali. Ketukan pintu itu telah didengar

oleh khadamnya, lalu menjenguklah ia dari jendela untuk

melihat siapa yang mengetuknya. Tetapi khadam itu telah

tidak mengenali tuannya kerana gelap. Dia menyangka tentulah

yang datang itu seorang tamu, maka ia pun segera

mengatakan: “Tuan rumah belum balik lagi.”

Tuannya pun menjawab sambil berpatah balik

meninggalkan rumahnya: “Baiklah, katakan sahaja kepadanya

saya akan menziarahinya pada masa yang lain.”

\* \* \*

### Tahniah seorang sarjan.

Adalah diceritakan seorang sarjan yang juga

terkenal dengan mengelamunnya. Bila dia balik ke rumahnya

pada suatu petang, isterinya telah menyambutnya dengan menghadapkan

kepadanya suatu pertanyaan: “Adakah kanda sudah membaca

ini?... surat khabar... ini menyiarkan berita

kematian kekanda?”

Sarjan itu menjawab: “Oh... ini

sangat menyedihkan, dinda. Baiklah kalau begitu dinda

jangan lupa menghantarkan telegram ucapan takziah kepada

keluarganya.

\* \* \*

### Satu cara untuk tunjuk perasaan.

Seorang bekas askar American berumur 23

tahun telah bertengkar dengan isterinya. Sang isteri

bertindak pulang ke rumah orang tuanya, dan enggan balik

ke rumah suaminya. Tak ada lain jalan lagi bagi sang

suami melainkan menggunakan cara-cara yang biasa digunakan

oleh kaum buruh sebagai senjata terakhir bagi

mengugut majikan mereka iaitu dengan mengadakan tunjuk

perasaan. Oleh itu askar tersebut telah mengantungkan

poster di depan dan di belakang badannya, lalu berdiri

di depan rumah mertuanya menghadang setiap tetamu yang akan

masuk ke rumahnya dan memekikkan kata-kata kepada mereka

sebagai berikut: “Mertua saya ikut mencampuri

urusan rumah tangga kami dan menahan isteri

saya yang saya cintai untuk bekerjasama dan kembali

kepada saya. Jangan tuan-tuan menghubunginya dan jangan menziarahinya.” Dan poster yang digantungkannya itu pula berbunyi: “Jenniah – kekasihku – baliklah ke rumah tangga kita. Hendaklah seseorang perempuan itu meninggalkan kedua orang tuanya dan merapatkan diri kepada suami – demikian tersebut dalam Tawrāt.”

Bila siang hampir habis dan malam hampir tiba, baliklah askar itu ke rumahnya. Dia telah mengubah tulisan poster itu dengan tulisan lain untuk persediaan hari esok yang berbunyi: “Jatuhlah mertua yang mencampuri urusan suami isteri! Aku telah turut berjuang dalam Perang Dunia kedua, tetapi aku tak mau turut berjuang dalam Perang Dunia ketiga. Aku cinta padamu wahai Jenniah dan aku percaya engkau juga cinta padaku. Hiduplah Jenniah, jatuhlah bapanya dan jatuhlah ibunya.”

\* \* \*

#### Jiwa yang besar.

Adalah diceritakan Yazīd bin al-Muhallab<sup>1</sup> setelah keluar dari dipenjarakan oleh khalifah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz telah belayar bersama anaknya bernama Mu‘āwiyah. Dalam pelayarannya mereka telah singgah di rumah seorang perempuan dusun. Perempuan itu telah menyembelih dua ekor kambing untuk menjamu mereka berdua. Sesudah makan, berkatalah Yazīd kepada anaknya: “Berapa bekalan wang yang engkau bawa?” Anaknya menjawab: “Seratus dinar.” Dia berkata: “Berilah dia kepadanya!” Anaknya menjawab: “Perempuan ini fakir orangnya tentulah memada

dengan yang sedikit. Lagi pula dia tak mengenal siapa ayahanda.”

Dia menjawab: “Tetapi aku tidak memada melainkan dengan yang banyak. Dan kalaupun dia tak mengenal siapa aku, maka aku mengenal siapa dia.”

\* \* \*

#### Sedih.

Seorang dusun yang gagah berani telah mati pada masa pemerintahan Khalifah Ma’mūn. Khalifah tersebut telah datang menemui ibunya untuk menghiburkan hatinya dan mengucapkan takziah kepadanya, seraya berkata: “Wahai ibu! Janganlah sampai bersedih hati benar. Sayalah yang akan menjadi anak ibu selepas kematiannya.”

Dijawab oleh perempuan itu: “Betapa saya tidakkan sedih terhadap anak saya itu, kerana ternyata sekarang dialah yang mendapatkan untuk saya seseorang anak yang seperti tuanku itu.”

\* \* \*

#### Isteri Suqrāt<sup>2</sup>.

Suqrāt telah berkata kepada isterinya yang kesedihan tatkala dia hendak dihukum bunuh: “Apalah perlunya engkau menangisi aku?” Isterinya menjawab: “Saya menangis.... kerana kekanda dibunuh secara aniaya.”

Dijawab oleh Suqrāt: “Oh! lemahnya fikiranmu, maukah engkau yang aku ini dibunuh secara hak?”

\* \* \*

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah al-Muhallab.

<sup>2</sup> Merujuk kepada Socrates.

Satu sama satu.

Seorang pencuri telah masuk ke ladang tebu.

Dia sedang memilih-milih sebatang tebu lalu ditebangnya kemudian

dimakannya dengan lazatnya. Tiba-tiba tuan ladang itu telah

terserempak dengannya dan bertanya mengapa dia memakan tebunya.

Dijawab oleh pencuri itu dengan katanya: “Sebenarnya

saya ini haus, tak ada jalan lain bagi saya

untuk menghilangkan haus saya melainkan dengan cara

ini.”

Tuan punya ladang itu pun berang, dan disepak

muka pencuri itu dengan kuatnya sambil berkata:

“Janganlah engkau berkecil hati ya! Aku ini tengah

marah, tak ada jalan bagiku untuk menyejukkan kemarahanku

itu melainkan dengan cara ini.”

\* \* \*

Supaya pahalanya tak hilang.

Sebuah pertubuhan kebajikan telah menerima satu

cek dari seorang kaya perang sebesar 500 paun,

tetapi belum lagi ditandatangani olehnya. Bila

Setiausaha pertubuhan itu menanyakan mengapa dia lakukan


yang demikian? Orang itu menjawab: “Saya tidak

menaruhkan nama saya (menandatangani) pada cek itu

kerana saya percaya bahawa pekerjaan kebajikan itu

akan hilang pahalanya jika diketahui orang nama si

pendermanya.”



*Kubu “Salā al-Dīn” salah sebuah kubu pertahanan yang dibina oleh Sultan Ṣalāḥ al-Dīn al-Ayyūbī*

*di Mesir kira-kira pada tahun 1171M. Untuk mempertahankan serangan kerajaan Faṭimiyyīn yang telah dapat*

*ditundukkan olehnya setelah kerajaan tersebut memerintah beberapa lama di bumi Mesir.*